

12 DEC 2002

Koh-Pasukan

BN TUBUH PASUKAN PETUGAS KHAS DI DATUK KERAMAT DAN JAWI

PULAU PINANG, 18 Dis (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Negeri hari ini melantik Anggota Parlimen Jelutong, Lee Kah Choon dan Anggota Exco Kerajaan negeri Datuk Abdul Rashid Abdullah sebagai pengerusi pasukan petugas khas BN masing-masing bagi kawasan Datuk Keramat dan Jawi setelah kedua-dua Anggota Dewan Undangan (Adun) kawasan berkenaan digantung keanggotaan mereka.

Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata pelantikan kedua-dua pemimpin dari komponen BN itu adalah untuk membantu menjaga dan menyelaraskan semua aktiviti BN di kedua-dua kawasan berkenaan.

"Kepemimpinan BN terpaksa mengambilalih tugas kedua-dua Adun berkenaan, Lim Boo Chang (Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (Jawi)," katanya pada sidang berita selepas menghadiri Majlis Perhimpunan Anggota Perkhidmatan Awam sempena sambutan Hari Kualiti peringkat negeri di Dome, Komtar di sini.

Keanggotaan kedua-dua mereka dalam MCA digantung Isnin lepas oleh Majlis Presiden parti itu selepas mengambil sikap berkecuali ketika pengundian usul DAP untuk menanggungkan Projek Lingkaran Luar Pulau Pinang (PORA) bernilai RM1.02 billion di negeri ini 21 Nov lepas. Projek itu adalah bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di negeri ini.

Dr Koh berkata pelantikan Abdul Rashid sebagai pengerusi pasukan itu berikutan Parlimen Nibong Tebal tidak mempunyai Anggota Parlimen dari BN setelah parti pembangkang memenangi kerusi itu pada pilihan raya lepas.

Dr Koh, yang juga pengerusi BN negeri berkata sejak Ogos tahun lepas, beliau telah dilantik oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi BN sebagai pengerusi BN bagi parlimen itu.

"Saya dalam kapasiti itu dan juga sebagai pengerusi BN Parlimen Nibong Tebal telah melantik Abdul Rashid untuk mengetuai pasukan petugas BN bersama pemimpin parti-parti komponen BN dalam membantu serta menyelaraskan semua aktiviti di Parlimen berkenaan," katanya.

Beliau berkata sehubungan itu, pelantikan Abdul Rashid selaku pengerusi pasukan petugas khas itu bagi membolehkan beliau meneruskan tugasnya selain berpengalaman.

Manakala pelantikan Lee dari parti Gerakan yang memenangi kerusi Parlimen Jelutong daripada Karpal Singh pada pilihan raya lepas adalah kerana beliau merupakan Ahli Parlimen kawasan Jelutong.

-- BERNAMA

NER AHM ROS